

21/06/2003

Ahli Pas keluar parti kecewa isu babi

GUA MUSANG: Sikap keterlaluan Pas membenarkan lidah rasminya, Harakah, menyiarkan karikatur yang menggambarkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seperti babi mengecewakan ahli parti itu sendiri.

Sehubungan itu, beberapa ahli Pas dari Kampung Tiong di sini, yang tidak mahu lagi berselindung di sebalik topeng keagamaan Pas, memutuskan keluar parti itu dan menyertai Umno.

Bagaimanapun, mereka yang sudah mengisi borang keahlian Umno itu belum membuat penyerahannya kerana menunggu persetujuan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.

Seorang ahli Pas, Nik Mohd Nasyraruddin Nik Abdul Rahman, 45, berkata perjuangan parti Pas itu yang sebelum ini mendakwa menegakkan pemerintahan Islam karut belaka.

Katanya, pemimpin Pas boleh disifatkan 'lidah bercabang' kerana pelbagai keraguan yang membangkitkan perasaan benci rakyat.

Beliau berkata, seperti juga karikatur yang disiarkan dalam Harakah itu menyamakan Dr Mahathir dengan babi dan apabila pemimpin Pas diminta mengulas mengenai perkara itu, mereka membuat keputusan tidak tahu mengenainya.

"Harakah itu lidah rasmi Pas, tidak sepatutnya pucuk pimpinan parti berkenaan tidak tahu mengenai perkara yang hendak disiarkan dan ini menunjukkan mereka tidak bertanggungjawab atas perkara yang berlaku itu.

"Saya sebagai ahli Pas sejak dulu lagi tidak sanggup meneruskan perjuangan dengan parti berkenaan kerana malu dengan apa yang berlaku dan membuat keputusan menyertai Umno," katanya.

Yahya Ramli, 65, pula berkata Pas sejak kebelakangan ini banyak terpesong daripada landasan perjuangan sebenar hingga timbul banyak keraguan yang menimbulkan kebencian penyokong mereka.

Beliau berkata, jika pemimpin Pas ikhlas memperjuangkan corak pemerintahan Islam, tidak sepatutnya menimbulkan sikap benci-membenci sesama Islam seperti menggambarkan Dr Mahathir dengan binatang haram.

Katanya, rakyat negeri ini masih menganggap Dr Mahathir sebagai pemimpin yang dikagumi kerana dalam tempoh menjadi Perdana Menteri banyak pembelaannya terhadap kemajuan orang Melayu.

"Walaupun kami ahli Pas, kami tetap sanjung tinggi corak kepimpinan Perdana Menteri. Oleh kerana kami benci dengan pelbagai tohmah terhadap kepemimpinannya, kami membuat keputusan menyertai Umno," katanya.